

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
17 APRIL 2020**

**PERKARA : 5(B)(VI)4**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR ITAM  
YB. JOSEPH NG SOON SIANG**

4. Berapakah kos promosi yang telah dibelanjakan oleh pihak Kerajaan Negeri untuk mempromosikan Pulau Pinang dalam Experience Penang2020?
  - (a) Apakah jangkaan pulangan dalam hasil promosi tersebut?

**YB. YEOH SOON HIN  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

4. Dalam mempromosikan Pulau Pinang melalui kempen Experience Penang Year 2020 (EPY2020) yang diperkenalkan pada tahun 2019, Kerajaan Negeri telah membelanjakan sejumlah RM5,101,368.87 bagi kos promosi mengikut pecahan seperti berikut:

<b>Bil.</b>	<b>Perkara</b>	<b>Penerangan</b>	<b>Kos (RM)</b>
1.	Pengiklanan, percetakan dan penjenamaan EPY2020	Pengiklanan dan penjenamaan yang dijalankan adalah seperti Inflight Magazine, Singapore Travellator, Stesen MRT, Out-Of-Home Advertising, Covered Walkways dan sebagainya. Percetakan pula merangkumi media seperti brosur,	3,898,773.79

		risalah, poster dan sebagainya.	
2.	Majlis-majlis Pelancaran Experience Penang Year 2020 (EPY2020), penyertaan roadshow dan tradeshow di peringkat domestik dan antarabangsa	Roadshow dan tradeshow yang disertai merangkumi negara dan bandar seperti Bangkok, Taipei, Indonesia, Singapura dan Kuala Lumpur. Keutamaan diberikan kepada bandar-bandar yang mempunyai penerangan terus ke Pulau Pinang.	1,202,595.08
<b>Jumlah Keseluruhan (RM)</b>			<b>5,101,368.87</b>

- (a) Promosi pelancongan yang dilaksanakan bertujuan untuk membangunkan sektor pelancongan Pulau Pinang. Hasil pulangan melalui promosi tersebut adalah secara tidak langsung, di mana sektor pelancongan akan menghasilkan *ripple effect* dalam ekonomi Pulau Pinang. Melalui kemasukan lebih ramai pelancong, industri-industri berkaitan pelancongan seperti perhotelan, pengangkutan, kawasan-kawasan tarikan pelancong, perkhidmatan pengembaraan, kraftangan, makanan dan sebagainya akan berkembang pesat. Limpahan ekonomi daripada aktiviti-aktiviti tersebut juga menyumbang kepada peningkatan peluang pekerjaan, perniagaan dan pelaburan serta pertumbuhan ekonomi negeri yang berupaya meningkatkan taraf hidup rakyat.